



**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**OLEH**  
**YBHG. DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN**  
**JAFFAR**  
**KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR**  
**PADA**  
**MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL LESTARI ALAM**  
**SEKITAR**  
**SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2024**  
**20 OKTOBER 2024**

Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo A/L Kim  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad Yusoff @ Munir bin Zakaria  
Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Sumber Asli,  
Bekalan Air, Sumber Air dan Alam Sekitar Negeri Kedah

Yang Berusaha Encik Mohamad Subhi bin Abdullah  
Pegawai Daerah Langkawi

Yang Berusaha Dr Norhazni binti Mat Sari  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
Jabatan Alam Sekitar

Setiausaha Bahagian Kementerian Sumber Asli dan  
Kelestarian Alam, Ketua-ketua Jabatan/ Agensi,  
Pengarah-pengarah Jabatan Alam Sekitar  
Tetamu-tetamu jemputan  
dan hadirin sekalian

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, dan Salam Malaysia Madani,**

1. Alhamdulillah, syukur kita panjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada hari yang bersejarah ini sempena **Majlis Perasmian Karnival Lestari Alam Sekitar**, yang berlangsung pada 19 dan 20 Oktober 2024, bersempena dengan **Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2024 Peringkat Kebangsaan**. Pada tahun ini, Negeri Kedah telah terpilih sebagai tuan rumah, dan Langkawi terpilih sebagai lokasi penganjuran acara yang bermakna ini.
  
2. Program-program kesedaran alam sekitar sempena HASN 2024 di Langkawi ini telah pun bermula sejak 15 Oktober dengan tujuan menggalakkan gaya hidup lestari di kalangan rakyat. Harapan saya, karnival selama dua hari yang diadakan di **Dataran Cenang** ini adalah selari dengan tema "**Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama**". Tema ini mengingatkan kita tentang peranan setiap individu

dalam menjaga kelestarian alam. HASN disambut setiap 21 Oktober di seluruh negara bagi memperingati termeterainya **Deklarasi Langkawi 1989** oleh Ketua-Ketua Negara Komanwel semasa **Persidangan Negara-Negara Komanwel (CHOGM)**.

**YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,**

3. Tahun ini juga menandakan satu pencapaian istimewa kerana **Jabatan Alam Sekitar (JAS)** juga menyambut **50 Tahun Jubli Emas Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974**. Tambahan pula, pindaan terbaharu AKAS juga telah digazetkan pada 6 Jun 2024 dan telah dikuatkuasakan pada 7 Julai 2024. Akta ini telah melalui enam kali pindaan sepanjang tempoh 50 tahun, memberi peluang kepada penambahbaikan secara berterusan demi kelangsungan alam sekitar.

4. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan di bawah akta ini, termasuk pengawalan pencemaran udara dan air, pengurusan sisa buangan terjadual, serta pemantauan projek pembangunan. Semua usaha ini bertujuan untuk memastikan generasi kini dan akan datang dapat menikmati persekitaran yang bersih dan sihat. Namun, cabaran yang kita hadapi semakin kompleks dan memerlukan pendekatan yang lebih holistik dan inovatif. Cabaran dari aspek perubahan iklim, pembangunan pesat, dan peningkatan populasi adalah antara faktor yang menuntut kita untuk sentiasa proaktif dan berdaya saing dalam usaha melestarikan alam sekitar.

### **Hadirin yang dihormati,**

5. Di kesempatan ini, saya menyeru agar semua pihak untuk terus komited dan berganding bahu dalam memastikan usaha kelestarian alam sekitar berjaya dicapai secara bersama. Marilah kita bersama-sama meningkatkan kesedaran, memperkuuh dasar-dasar sedia ada, dan membudayakan amalan gaya

hidup lestari seperti melaksanakan pengurusan pelupusan sisa elektrik dan elektronik mengikut kaedah yang ditetapkan dan menghindari penggunaan plastik sekali guna dalam kehidupan sehari-hari.

6. JAS juga menitikberatkan pendidikan alam sekitar, terutama dalam kalangan pelajar sekolah, kerana kita semua sedar bahawa usaha menjaga alam sekitar harus dimulakan dari peringkat awal. Program **Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)** yang dimulakan sejak 2005 kini telah mencapai kitaran yang kesembilan. Program ini juga menyokong pencapaian **Matlamat Pembangunan Mampan 2030**, terutama bagi matlamat SDG-4 yang menyeru pendidikan berkualiti dan pembelajaran sepanjang hayat.
7. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua sekolah rendah dan sekolah menengah yang telah menyertai SLAAS tahun ini, serta penghargaan kepada sekolah-sekolah yang telah berjaya meraih

kemenangan di peringkat negeri masing-masing. Usaha murni ini pastinya akan membawa hasil dalam membentuk generasi pemimpin masa hadapan yang prihatin terhadap kelestarian alam.

**YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,**

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, yang hadir untuk merasmikan majlis kita pada hari ini serta semua hadirin yang hadir dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program-program yang diadakan sempena **HASN 2024 Peringkat Kebangsaan**. InsyaAllah, **JAS** akan terus berusaha mempromosikan gaya hidup lestari dan memastikan penguatkuasaan **AKAS 1974** dilaksanakan dengan berhemah.

Dengan sokongan dan kerjasama semua pihak, kita pasti dapat mencapai matlamat bersama untuk melestarikan alam sekitar.

Sekian, saya Sudah ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.